

Inti pati Bajet 2009

H-M 30/08/08 MS 14

Jaringan keselamatan sosial

■ Tahap kelayakan pendapatan isi rumah bagi pemberian bantuan kebajikan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat ditingkatkan daripada RM400 sebulan kepada RM720 sebulan untuk Semenanjung, RM830 sebulan (Sarawak) dan RM960 (Sabah)

■ Pesara kerajaan berkhidmat sekurang-kurangnya 25 tahun menerima pensen tidak kurang RM720 sebulan mulai 1 Januari 2009.

■ Tabung khas berjumlah RM25 juta bagi menyalurkan pemberian kewangan keluarga



yang hilang punca pendapatan secara mengejut seperti akibat kemalangan

■ Elaun Ibu Pelihara di Rumah Tunas Harapan dinaikkan daripada RM600 kepada RM1,000 sebulan berkuatkuasa 1 September ini

Meningkatkan pendapatan boleh guna rakyat

■ Rebat cukai pendapatan RM350 seorang dinaikkan kepada RM400 bagi pendapatan bercukai RM35,000 dan ke bawah.


■ Pendapatan faedah ke atas simpanan individu dikecualikan cukai.

■ Duti import barangan pengguna dikurangkan daripada 10 hingga 60 peratus kepada lima hingga 30 peratus.

■ Cukai jalan kenderaan penumpang persendirian berenjin diesel milik individu dan syarikat sama seperti kenderaan berenjin petrol berkuatkuasa 1 September.

FAKTA GRAFIK ↓

BAJET KERAJAAN PERSEKUTUAN 2009



Menjamin kebajikan pekerja

■ Elaun perjalanan pekerja antara rumah dan tempat kerja yang diberikan majikan dikecualikan cukai sepenuhnya. Pekerja menerima elaun perjalanan diberi pengecualian cukai sehingga RM2,400 setahun.

lai diskaun ke atas perkhidmatan diniagakan syarikat ditawarkan kepada pekerja dan elaun penjagaan anak sehingga RM2,400 setahun bagi anak pekerja.

■ Memperluaskan pengecualian cukai terhadap perbelanjaan perkhidmatan anak-anak

Menambah baik pengangkutan awam

■ Bas RapidPenang ditambah 200 lagi dan dijangka dapat menambah 14 laluan baru.

■ Sebanyak RM35 bilion dibelanjakan antara 2009 hingga 2014 khusus meningkatkan kecekapan pengangkutan awam.

■ Laluan LRT baru sepanjang 42km akan dibina dari Kota Damansara ke Cheras untuk memperluaskan jaringan perkhidmatan rel bandar di Lembah Klang.

■ Perkhidmatan rel komuter Keretapi Tanah Melayu Berhad dipertingkatkan.

■ Membina terminal pengangkutan bersepadu di Bandar Tasik Selatan untuk teksi dan bas antara bandar dari kawasan selatan Semenanjung.

■ Membina terminal pengangkutan bersepadu baru teksi dan bas antara bandar dari kawasan utara Semenanjung.

■ Menyediakan kemudahan pinjaman mudah melalui Dana Pengangkutan Awam sebanyak RM3 bilion melalui Bank Pembangunan Malaysia Berhad untuk membiayai perolehan aset bas dan rel.

■ Mengurangkan bayaran tol 50 peratus bagi semua bas, kecuali di pintu masuk sempadan (Tambak Johor, Link Kedua dan Bukit Kayu Hitam) selama dua tahun mulai 15 September ini.

■ Pengusaha diberi pengecualian cukai jualan ke atas pembelian bas baru yang dipasang dalam negara.

■ Cukai jalan dikurangkan kepada RM20 setahun untuk semua bas dan teksi, termasuk kereta sewa dan limosin.

■ Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat ditubuhkan di bawah Jabatan Perdana Menteri untuk merancang, mengintegrasikan, mengawal selia dan memajukan sistem pengangkutan awam.



Membasmi kemiskinan

■ RM50 juta di bawah Program Bantuan Rumah untuk membina 1,400 rumah baru dan membaiki pulih 1,000 rumah.

■ RM580 juta disediakan bagi Sabah dan RM420 juta (Sarawak) untuk mempertingkatkan

kemudahan asas seperti bekalan elektrik, air dan jalan luar bandar.

■ Isi rumah membayar bil elektrik RM20 dan ke bawah sebulan tidak perlu bayar bil berkuatkuasa 1 Oktober hingga akhir 2009



hingga RM2,400 setahun.

■ Pengecualian cukai kepada majikan terhadap manfaat dinikmati pekerja seperti bantuan kadar faedah pinjaman sehingga RM300,000 untuk perumahan, kenderaan bermotor dan pendidikan, telefon mudah alih serta bil telekomunikasi dan langganan Internet yang dibayar majikan. Nilai diskaun sehingga RM1,000 setahun diberi ke atas barangan jualan syarikat ditawarkan kepada pekerja dan ni-

dap perbelanjaan wanita melahirkan anak yang disediakan majikan.

■ Tambang pergi balik percuma sekali setahun untuk kakitangan awam mengunjungi wilayah asal di antara Semenanjung dan Sabah serta Sarawak, mulai 1 Januari 2009.

■ Bonus sebulan gaji dengan kadar minimum RM1,000 untuk kakitangan awam dibayar dua kali pada September dan Disember ini.

Dasar jaminan makanan

■ RM5.6 bilion di bawah Dasar Jaminan Makanan Negara bagi tempoh 2008 hingga 2010 termasuk pembayaran insentif kepada pengusaha pertanian

■ RM300 juta untuk tingkatkan hasil tangkapan ikan (RM180 juta bagi menampung sara hidup nelayan dan pemilik bot perikanan serta RM120 juta insentif tangkapan ikan).

■ Penternak ayam dan itik diberi Elaun Pelaburan Semula sebanyak 60 peratus selama 15 tahun bagi pelaburan tambahan.

■ Peruntukan RM1 bilion kepada 220,000 pesawah di seluruh negara sebagai insentif meningkatkan pengeluaran hasil padi. Lebih 1,300 hektar tanah terbiar dikenal pasti bagi pengeluaran padi dan makanan lain termasuk buah-buahan, sayur-sayuran dan ternakan.

■ RM475 juta bantuan input pertanian, baja dan racun perosak untuk pesawah.

■ Duti import baja dan racun perosak dimansuhkan.

Memantapkan perkhidmatan kesihatan

■ RM13.7 bilion tingkatkan kemudahan dan peralatan kesihatan, tambah bekalan ubat, membangunkan sumber manusia, giatkan aktiviti penyelidikan dan penguatkuasaan selain membina hospital, klinik dan kuarters.

■ Eksais spesifik rokok dinaikkan tiga sen sebatang kepada 18 sen sebatang menjadikan cukai sekotak rokok 20 batang meningkat 60 sen.

■ Bayaran insentif pakar perubatan dinaikkan membabitkan 3,800 pegawai.

■ Bayaran insentif pasukan perubatan udara di Sabah dan Sarawak.

■ Kadar bayaran satu penerbangan pergi balik bagi pembantu perubatan naik dari RM20 kepada RM30, manakala jururawat daripada RM15 kepada RM30.



Menjamin keselamatan awam

■ RM5.4 bilion tingkatkan keupayaan Polis Diraja Malaysia (PDRM), iaitu RM4.8 bilion untuk belanja mengurus dan RM600 juta belanja pembangunan.

■ RM220 juta untuk pembinaan ibu pejabat, balai dan pondok polis di seluruh negara tahun depan.

■ 22,800 konstabel dan 3,000 inspektor polis dilantik.

■ Insentif khas anggota polis ditingkatkan daripada RM100 kepada RM200 sebulan mulai 1 Januari 2009.

■ Semua premis perniagaan yang memasang alat kawalan keselamatan diberi elaun modal dipercepatkan yang boleh dituntut sepenuhnya dalam tempoh setahun.